



13 MAY, 2026

TNB taja KHM RM25 juta

Sinar Harian, Malaysia



TNB taja KHM RM25 juta

FOTO: BERNAMA



Mohammed Taufiq (tengah) bergambar bersama atlet hoki kebangsaan selepas menyaksikan sesi menandatangani memorandum antara KHM dan TNB.

TENAGA Nasional Berhad (TNB) terus membuktikan komitmen jitu dalam memperkasakan sukan hoki tanah air apabila memeterai kontrak penajaan baharu bersama Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) bagi tempoh 2026 hingga 2030.

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Shamsul Ahmad berkata, sebanyak RM25 juta diperuntukkan khusus buat KHM bagi menyokong pembangunan hoki secara menyeluruh.

Suntikan dana bagi tempoh lima tahun itu meliputi tajaan kepada KHM merangkumi pelbagai inisiatif pembangunan akar umbi, penganjuran kejohanan dan bantuan khusus ke-

pada sekolah-sekolah di seluruh negara.

"Di TNB, kami percaya sukan memainkan peranan penting dalam membentuk disiplin, semangat berpasukan dan jati diri generasi muda.

"Sebab itu, sokongan kami terhadap hoki bukan sekadar tajaan korporat tetapi satu pelaburan jangka panjang untuk pembangunan belia dan masa depan sukan negara.

"Kami ingin melihat sukan hoki ini mendapat kejayaan dan dimartabatkan. Harapan kita suatu hari nanti, kita mampu menjadi juara dunia, insya-ALLAH," katanya selepas Majlis Menandatangani Memorandum

Perjanjian Penajaan antara TNB dan KHM pada Selasa.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Belia dan Sukan, Dr Mohammed Taufiq Johari.

Komitmen TNB terhadap sukan hoki negara telah bermula sejak 2006 dengan tajaan lebih RM60 juta yang membuahkan hasil signifikan, antaranya melalui program TNB Thunderbolts yang telah melahirkan lebih 100 pemain hoki kebangsaan.

Selain itu, program Sekolah Angkat Hoki TNB yang melibatkan tujuh sekolah sukan dan harian di seluruh negara terus diperkasa bagi memastikan kesinambungan bakat baharu negara.